

KOMPILASI SOALAN DAN SKEMA  
PEPERIKSAAN PERCUBAAN NEGERI-NEGERI 2023  
PENDIDIKAN ISLAM

SOALAN 5  
BAHAGIAN AKHLAK ISLAMIYAH

NEGERI SEMBILAN  
PULAU PINANG  
TERENGGANU  
PUTRAJAYA  
KELANTAN  
SELANGOR  
SARAWAK  
PAHANG  
MELAKA  
PERLIS  
SABAH  
KEDAH  
PERAK  
JOHOR  
SBP

DISUSUN OLEH  
USTAZAH ROHANA BINTI SULONG  
ZulHana7096@UstazahRohana  
SEK. MEN. KEB. BUKIT DIMAN  
HULU TERENGGANU, TERENGGANU

**KOMPILASI SOALAN PERCUBAAN NEGERI-NEGERI 2023**  
**SOALAN 5 BAHAGIAN AKHLAK ISLAMIYAH**

NO	SOALAN DAN SKEMA	NEGERI
	<b>WASATIAH</b>	
	Sifat wasatiah menjamin kecemerlangan umat.	
1	<p>Nyatakan maksud wasatiah. <b>2 markah</b></p> <p><b>Maksud wasatiah ialah</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pendekatan yang sederhana / seimbang, adil dan cemerlang dalam setiap tindakan</li> </ul>	Perak Melaka Pahang Johor Terengganu Perlis Sabah SBP Sarawak Pulau Pinang Putrajaya 2 Selangor
2	<p>Nyatakan dua prinsip wasatiah (<b>2 markah</b>)  <b>Jelaskan empat prinsip wasatiah (Selangor)</b></p> <p><b>Dua prinsip wasatiah :</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Kesederhanaan.</li> <li>- Kesimbangan</li> <li>- Keadilan</li> <li>- Kecemerlangan</li> </ul>	Johor Sabah Sarawak Kedah Putrajaya 2 Selangor
3	<p>Apakah maksud kecemerlangan dalam wasatiah. (<b>2 markah</b>)</p> <p><b>Maksud kecemerlangan dalam wasatiah :</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pendekatan yang terbaik dalam melakukan kebaikan dan mencegah kemungkaran / (<b>1m</b>) serta berkeyakinan teguh pada Allah SWT.(<b>1m</b>)</li> </ul>	Kelantan N9
4	<p>Jelaskan dua aspek <b>keadilan</b> berdasarkan prinsip wasatiah. (<b>4 markah</b>)</p> <p><b>Dua aspek keadilan berdasarkan prinsip wasatiyyah.</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Menunaikan hak kepada mereka yang berhak menerimanya.</li> <li>- Mengambil pendekatan pertengahan dan seimbang secara hikmah antara dua perkara yang ekstrem.</li> </ul>	Pahang SBP
5	<p>Jelaskan prinsip wasatiah dari aspek <b>kesederhanaan</b>. [<b>2 markah</b>]</p> <p><b>Prinsip wasatiah dari aspek kesederhanaan.</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Menunaikan tugas dengan sempurna dan penuhbertanggungjawab</li> <li>- Memenuhi syarat dalam menunaikan tugas, mematuhiarahan dan prosedur dalam menjalankan amanah</li> <li>- Melaksanakan tugas sebagai hamba Allah dan khalifah dimuka bumi</li> </ul>	Perlis Pulau Pinang
6	<p>Jelaskan aspek keseimbangan dari sudut jasmani. (<b>2 markah</b>)</p> <p><b>Dua aspek keseimbangan dari segi jasmani</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Mengambil makanan yang baik dan seimbang untuk menjaga kesihatan tubuh badan</li> <li>- Berehat setelah penat bekerja supaya badan kembali cergas dan bertenaga</li> <li>- Memenuhi keperluan biologi dan fitrah manusia</li> </ul>	Terengganu Putrajaya 2

**KOMPILASI SOALAN PERCUBAAN NEGERI-NEGERI 2023**  
**SOALAN 5 BAHAGIAN AKHLAK ISLAMIYAH**

NO	SOALAN DAN SKEMA	NEGERI
7	<p>Jelaskan <b>dua</b> aspek keseimbangan dalam aspek <b>rohani</b>. <b>[2 markah]</b></p> <p><b>Dua aspek keseimbangan dalam aspek rohani ialah :</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Melaksanakan ibadat fardu dan sunat dengan istiqamah.</li> <li>- Menghayati al-Quran dan berzikir dengan bersungguh.</li> <li>- Melakukan ibadat dengan ikhlas.</li> </ul>	Sabah Putrajaya 2
8	<p>Jelaskan <b>dua</b> ciri umat yang cemerlang. <b>4 markah</b></p> <p><b>Dua ciri umat yang cemerlang ialah :</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Melakukan kebaikan seperti memakmurkan bumi</li> <li>- Mencegah diri daripada melakukan kezaliman/ kefasikan dan kekejaman.</li> <li>- Menggunakan kekayaan di dunia mendapatkan keredaan Allah SWT.</li> <li>- Melakukan semua tugas dan pekerjaan dengan ikhlas /kerana Allah SWT.</li> </ul>	Perak Melaka Kelantan Perlis N9 Putrajaya 2
9	<p>Terangkan <b>dua</b> hikmah/kelebihan melaksanakan prinsip wasatiah dalam kehidupan. <b>[4 markah]</b></p> <p><b>dua hikmah melaksanakan prinsip wasatiah dalam kehidupan.</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Syiar Islam dapat ditegakkan kerana kesempurnaan akhlak dan nilai-nilai murni</li> <li>- Ekonomi Masyarakat stabil kerana tiada pembaziran</li> <li>- Masyarakat hidup aman kerana mengamalkan prinsip keadilan</li> <li>- Tahap Pendidikan Masyarakat Islam dapat ditingkatkan kerana sentiasa mementingkan ilmu</li> </ul>	Melaka Johor Terengganu Perlis Sabah SBP Sarawak Kedah Selangor
<b>ADAB TERHADAP ORANG SAKIT</b>		
1	<p>Nyatakan <b>dua</b> adab terhadap orang sakit. <b>(2 markah)</b></p> <p><b>Dua adab terhadap orang sakit:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Mendoakan kesihatan mereka.</li> <li>- Memberikan semangat dan motivasi agar mereka sabar dan reda.</li> <li>- Memastikan tempat dan tubuh badan pesakit sentiasa bersih.</li> <li>- Membantu mereka yang ingin melakukan ibadat.</li> <li>- Menyediakan keperluan dan kemudahan asas untuk pesakit.</li> <li>- Tidak melakukan sesuatu yang boleh mengganggu ketenteraman mereka dengan bunyi bising dan tempoh ziarah yang lama.</li> </ul>	Kelantan Putrajaya 1
2	<p>Jelaskan <b>dua</b> hikmah beradab terhadap orang sakit. <b>(4 markah)</b></p> <p><b>Dua hikmah beradab dengan orang sakit:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Menggembirakan pesakit agar hatinya tenang dalam menempuh ujian.</li> <li>- Mengeratkan ukhuwwah sesama anggota masyarakat agar hidup diberkati Allah.</li> <li>- Melahirkan keinsafan kerana diberikan nikmat kesihatan setelah melihat penderitaan pesakit.</li> </ul> <p><b># Mana-mana jawapan yang munasabah di terima</b></p>	Kelantan Putrajaya 1
<b>BERSIKAP BENAR</b>		
1	<p>Nyatakan maksud bersikap benar <b>(2 markah)</b></p> <p><b>Maksud bersikap benar,</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Tidak berdusta dari segi perkataan, perkhabaran dan perbuatan</li> </ul>	Selangor 2
2	<p>Terangkan dua hikmah bersikap benar <b>(4 markah)</b></p> <p><b>Dua hikmah bersikap benar:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Terpelihara daripada sifat munafik yang dibenci oleh Allah SWT</li> <li>- Menenangkan hati kerana tidak melakukan dosa</li> <li>- Saling bekerjasama kerana wujud perasaan saling mempercayai</li> <li>- Menjadi contoh teladan kepada orang lain kerana maruahnya dipandang tinggi</li> </ul>	Selangor 2

**KOMPILASI SOALAN PERCUBAAN NEGERI-NEGERI 2023**  
**SOALAN 5 BAHAGIAN AKHLAK ISLAMIYAH**

NO	SOALAN DAN SKEMA	NEGERI
	<b>ISTIQAMAH</b>	
1	<p>Apakah maksud istiqamah <b>(2 markah)</b></p> <p><b>Istiqamah bermaksud</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Ketaatan yang berterusan dalam melaksanakan suruhan Allah SWT dan menjauhi laranganNya</li> </ul>	Pulau Pinang Putrajaya 2 Selangor 2
2	<p>Jelaskan <b>dua</b> contoh sifat istiqamah Rasulullah SAW. <b>[2 markah]</b></p> <p><b>Dua contoh sifat istiqamah Rasulullah SAW:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Tidak jemu memohon keampunan daripada Allah SWT walaupun baginda seorang yang maksum.</li> <li>- Tetap berdakwah walaupun menghadapi kesusahan dan ancaman.</li> </ul>	Putrajaya 2
3	<p>Jelaskan contoh sifat istiqamah yang diamalkan oleh Rasulullah SAW dalam aspek <b>(4 markah)</b></p> <p>a) Ibadah b) Dakwah</p> <p><b>Contoh istiqamah</b></p> <p><b>a) Ibadah</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Baginda tidak jemu memohon keampunan daripada Allah SWT walaupun baginda seorang yang maksum.</li> <li>- Rasulullah SAW sentiasa beristighfar dan bertaubat kepada Allah SWT lebih daripada tujuh puluh kali setiap hari</li> </ul> <p><b>b) Dakwah</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Rasulullah SAW tetap berdakwah menyebarkan agama Islam walaupun menghadapi pelbagai kesusahan dan ancaman.</li> <li>- Rasulullah SAW bertegas tidak akan meninggalkan usaha dakwah walaupun digantikan dengan kesenangan dunia</li> </ul>	Selangor 2
4	<p>Terangkan dua cara memiliki sifat istiqamah <b>(4 markah)</b></p> <p><b>Dua cara memiliki sifat istiqamah</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Sentiasa bermujahadah melawan hawa nafsu (1m) agar berterusan mengamalkan sifat mahmudah (1m)</li> <li>- Sentiasa berdoa memohon bantuan Allah SWT (1m) agar dapat melaksanakan segala suruhanNya dan meninggalkan laranganNya(1m)</li> <li>- Sentiasa membaca dan mengambil iktibar daripada kisah para nabi (1m) yang istiqamah melakukan kebaikan (1m)</li> <li>- Sentiasa muhasabah diri (1m) agar ikhlas dan sabar dalam setiap tindakan (1m)</li> <li>- Sentiasa mempelajari ilmu dengan istiqamah (1m) supaya menjadi amalan dalam kehidupan (1m)</li> <li>- Sentiasa berkawan dengan rakan yang berdisiplin (1m) dalam melakukan kebaikan(1m)</li> </ul>	Pulau Pinang Selangor 2
5	<p>Terangkan dua hikmah mengamalkan sifat istiqamah dalam kehidupan <b>(4 markah)</b></p> <p><b>Dua hikmah mengamalkan sifat istiqamah dalam kehidupan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Menzahirkan individu yang berakhlak mulia (1m) kerana melaksanakan kebaikan secara berterusan(1m)</li> <li>- Membentuk insan yang teguh pendirian (1m) dalam mempertahankan kebenaran (1m)</li> <li>- Memperkukuhkan jati diri (1m) dengan sifat sabar dan tidak berputus asa untuk berjaya (1m)</li> <li>- Memupuk sikap sanggup berkorban harta dan nyawa(1m) demi mempertahankan Islam (1m)</li> <li>- Membangunkan ekonomi (1m) kerana komitmen semua pihak untuk memajukan negara (1m)</li> <li>- Melahirkan sifat kebersamaan dalam masyarakat (1m) kerana sentiasa menjaga kepentingan bersama(1m)</li> </ul>	Pulau Pinang Putrajaya 2

**KOMPILASI SOALAN PERCUBAAN NEGERI-NEGERI 2023**  
**SOALAN 5 BAHAGIAN AKHLAK ISLAMIYAH**

NO	SOALAN DAN SKEMA	NEGERI
	<b>ALAM SEKITAR PENENANG MINDA</b>	
	Alam sekitar merupakan anugerah Allah SWT kepada manusia	
1	<p>Nyatakan maksud alam sekitar <b>(2 markah)</b></p> <p><b>Maksud alam sekitar</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Segala benda hidup dan bukan hidup (1m) / yang terdapat disekeliling kita (1m)</li> </ul>	Pahang Johor Terengganu Sabah SBP Kedah Putrajaya 1 Selangor
2	<p>Senaraikan <b>dua</b> contoh alam sekitar. <b>(2 markah)</b></p> <p><b>Dua contoh alam sekitar ialah</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Lembu, kuda , ayam</li> <li>- Pokok, rumput,</li> <li>- Laut</li> <li>- Sungai</li> <li>- Gunung, bukit</li> <li>- Matahari, bulan, planet</li> </ul> <p><b>(semua jawapan benda hidup dan bukan hidup diterima kecuali manusia)</b></p>	Perak
3	<p>Terangkan dua aktiviti amalan hijau yang boleh dilaksanakan untuk menjaga dan mengekalkan kelestarian alam sekitar <b>(4 markah)</b></p> <p><b>Dua aktiviti amalan hijau yang boleh dilaksanakan untuk menjaga dan mengekalkan kelestarian alam sekitar ialah:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Membuang sampah ditempat yang tertutup / ditempat yang disediakan/1m supaya mudah diselenggara./1m</li> <li>- Mengutip sampah yang bersepah di kawasan laluan perjalanan/1m agar dapat mengekalkan persekitaran yang bersih./1m</li> <li>- Mengurangkan penggunaan plastik/1m agar alam tidak tercemar./1m</li> <li>- Bersifat belas ihsan / sayang terhadap binatang/1m agar ekosistem terpelihara./1m</li> <li>- Berbakti kepada tanah dengan menanam pokok /1m demi mengekalkan kehijauan alam./1m</li> <li>- Sentiasa mengamalkan amalan kitar semula/1m seperti program 3R / menguruskan sisa pepejal dengan baik./1m</li> </ul> <p><b>Catatan: Jawapan munasabah diterima.</b></p>	Kedah
4	<p>Nyatakan <b>dua</b> adab menjaga alam sekitar. <b>[2 markah]</b></p> <p><b>dua adab menjaga alam sekitar</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Sentiasa mengamalkan cara hidup mesra alam</li> <li>- Sentiasa menjaga kelestarian alam menjaga kebersihan Sungai</li> <li>- Sentiasa mengekalkan ekosistem kehidupan flora dan fauna</li> <li>- Sentiasa memelihara dan memulihara alam sekitar dengan sebaik mungkin</li> <li>- Sentiasa memelihara dan memulihara alam sekitar dengan tidak melakukan sebarang kerosakan</li> <li>- Sentiasa berhemah dan tidak membazir menggunakan sumber air</li> </ul>	Melaka Johor Perlis Sabah Sarawak N9 Selangor

**KOMPILASI SOALAN PERCUBAAN NEGERI-NEGERI 2023**  
**SOALAN 5 BAHAGIAN AKHLAK ISLAMIYAH**

NO	SOALAN DAN SKEMA	NEGERI
5	<p>Terangkan dua adab menjaga alam sekitar <b>(4 markah)</b></p> <p><b>Dua adab menjaga alam sekitar</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Sentiasa mengamalkan cara hidup mesra alam (1m) agar tidak mendemarkan alam (1m)</li> <li>- Sentiasa menjaga kelestarian alam (1m) supaya alam semulajadi dapat dipelihara dan dikekalkan(1m)</li> <li>- Sentiasa mengekalkan ekosistem kehidupan flora dan fauna (1m) agar tidak terancam dan pupus (1m)</li> <li>- Sentiasa memelihara dan memulihara alam sekitar dengan tidak melakukan sebarang kerosakan (1m) agar khazanah Allah terjaga(1m)</li> <li>- Sentiasa berhemah dan tidak membazir menggunakan sumber air (1m) untuk menjimatkan sumber alam(1m)</li> <li>- Sentiasa berusaha mengekalkan keceriaan dan kebersihan alam (1m) untuk mewujudkan suasana yang kondusif(1m)</li> </ul>	SBP Putrajaya 1
6	<p>Jelaskan <b>dua</b> adab menjaga alam sekitar selain daripada memelihara dan memulihara alam. <b>(4 markah)</b></p> <p><b>Dua adab menjaga alam sekitar</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Sentiasa mengekalkan ekosistem kehidupan flora dan fauna.</li> <li>- Sentiasa berusaha mengekalkan keceriaan dan kebersihan alam sekitar.</li> <li>- Sentiasa menjaga kelestarian alam .</li> <li>- Sentiasa mengamalkan cara hidup yang mesra alam.</li> <li>- Sentiasa berhemah dan tidak membazir menggunakan sumber air.</li> </ul> <p><b>Catatan :</b> <b>Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima</b></p>	Perak pahang
7	<p>Jelaskan <b>dua</b> kesan kerosakan alam sekitar. <b>[2 markah]</b></p> <p><b>dua kesan kerosakan alam sekitar</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pemanasan global disebabkan kenaikan suhu bumi</li> <li>- Menghidap pelbagai jenis penyakit disebabkan menghidu udara yang tercemar</li> <li>- Kehidupan flora dan fauna terancam dan pupus</li> <li>- Berlakunya pencemaran udara kepada alam sekitar</li> </ul> <p><b>Catatan:</b> <b>Mana-mana jawapan yang munasabah diterima</b></p>	Melaka
8	<p>Jelaskan dua faktor berlakunya pencemaran alam sekitar <b>(2 markah)</b></p> <p><b>Dua faktor berlakunya pencemaran alam sekitar :</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Sifat manusia yang tamak dalam mengejar kekayaan</li> <li>- Sikap suka mengambil mudah terhadap sesuatu.</li> <li>- Menganggap menjaga alam sekitar tanggungjawab pihak berkuasa sahaja.</li> <li>- Sikap manusia yang mementingkan diri sendiri.</li> <li>- Kurang kesedaran tentang kepentingan alam sekitar.</li> </ul>	Johor

**KOMPILASI SOALAN PERCUBAAN NEGERI-NEGERI 2023**  
**SOALAN 5 BAHAGIAN AKHLAK ISLAMIYAH**

NO	SOALAN DAN SKEMA	NEGERI
9	<p>Jelaskan dua punca berlakunya kerosakan alam sekitar pada masa kini <b>(4 markah)</b></p> <p><b>Dua punca berlakunya kerosakan alam</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Bahan buangan kilang ke dalam sungai</li> <li>- Pembuangan sampah merata-rata tempat</li> <li>- Asap dari perkilangan yang tak terkawal</li> <li>- Penggunaan bahan kimia yang terlarang</li> </ul> <p><b>Mana-mana jawapan munasabah diterima</b></p>	Terengganu
10	<p>Terangkan <b>dua</b> hikmah adab menjaga alam sekitar. <b>[4 markah]</b></p> <p><b>Dua hikmah adab menjaga alam sekitar</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Menenangkan jiwa kerana dapat melihat keindahan alam</li> <li>- Menikmati persekitaran yang bersih kerana pembudayaan cinta akan alam sekitar</li> <li>- Melahirkan insan yang mencintai alam sekitar kerana menyedari tanggungjawab yang diamanahkan</li> <li>- Meningkatkan pendapatan kerana melaksanakan aktiviti eko-pelancongan</li> <li>- Melestarikan alam sekitar yang indah (1m) untuk dimanfaatkan kepada generasi akan datang (1m).</li> </ul>	Melaka Pahang Terengganu Perlis Sabah Sarawak Kedah N9 Putrajaya 1